

## RANCANGAN TEMPATAN DAERAH SEREMBAN 2006-2015



Rancangan Tempatan Daerah Seremban disediakan di bawah peruntukan Bahagian III, Seksyen 12, **Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) (Pindaan) 1995 (A933) dan Pindaan 2001 (A1129)**. Ianya merupakan satu laporan rancangan pemajuan yang mengandungi strategi dan cadangan-cadangan pemajuan sehingga tahun 2015.

### □ Tujuan Penyediaan RTD Seremban

Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Seremban disediakan dengan tujuan menterjemah aspirasi perancangan di peringkat negara iaitu Rancangan Fizikal Negara (RFN). Selain itu ia juga memperhalusi dasar-dasar strategik di peringkat negeri iaitu Rancangan Struktur Negeri (RSN).

Terdapat tiga hierarki rancangan pemajuan iaitu RFN di peringkat nasional, RSN di peringkat negeri dan RTD di peringkat daerah. Untuk itu Rancangan Tempatan Daerah Seremban disediakan sebagai pelengkap kepada hierarki tersebut.

RTD Seremban merupakan satu dokumen yang akan menjadi rujukan bersama oleh semua pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa perancang tempatan dan jabatan-jabatan teknikal lain serta agensi-agensi yang terbabit di dalam pembangunan Daerah Seremban.

Laporan Rancangan Tempatan Daerah Seremban akan menjadi garis panduan untuk merancang dan memajukan tanah di dalam Daerah Seremban berdasarkan kepada wawasan, objektif dan keperluan perancangan. Ia juga akan menjadi panduan dalam melaksana pembangunan yang lebih teratur dan sistematik.

### □ Keperluan Penyediaan Rancangan Tempatan (RT) Daerah Seremban

Kepentingan penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Seremban berdasarkan senario berikut :-

- ● ● **Bandar Seremban sebagai Pusat Wilayah dan Pentadbiran Negeri Sembilan**
- ● ● **Kedudukan Daerah Seremban Yang Strategik Dalam Konurbasi Kuala Lumpur**
- ● ● **Peranan Sebagai Bandar Dormitori dan Satelit kepada Lembah Klang**
- ● ● **Kebudayaan Dan Warisan Negeri Beradat – Adat Perpatih**
- ● ● **Tahap Aksesibiliti Yang Tinggi**
- ● ● **Sumber Alam Semulajadi Yang Perlu Dipelihara**

